

Memanah cangkil bakat pelajar

Sinar Harian Selasa 11/9/07 pg: P23

Beri pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa berkaitan pengurusan dan pengendalian program

ROSILAWATI ROSEDI

Seramai 41 orang pemanah yang terdiri dari mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), pelajar sekolah menengah dan rendah telah menyertai Kejohanan Memanah Terbuka, Universiti Malaysia Pahang yang diadakan baru-baru ini.

Ia dianjurkan oleh pelajar UMP yang mengikuti subjek kokurikulum memanah UQS 2081 bagi semester 1 sesi 2007/2008, di mana penganjuran kejohanan ini merupakan salah satu keperluan kursus yang bagi melengkapkan penilaian bagi subjek tersebut.

Menurut Penyelaras Unit Kokurikulum UMP, Ramle Abid kejohanan ini merupakan aktiviti wajib kepada para pelajar yang mengambil sukan memanah, selain memberi peluang kepada para pemanah untuk menonjolkan bakat mereka.

Selain mahasiswa UMP, sekolah-sekolah yang turut menyertai kejohanan ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad, Sekolah Menengah Seri Pekan, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kuantan, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Pekan dan Sekolah Kebangsaan Bukit Rengin.

"Walaupun hujan turun di sebelah petang, namun ia tidak mematahkan semangat para pemanah dan ahli jawatankuasa untuk meneruskan kejohanan tersebut,"



Peserta begitu bersemangat menunjukkan aksi memanah.

Kejohanan menyaksikan kategori terbuka UMP lelaki dimenangi oleh Hisyamirul Azwan Hussin, naib johan pula dirangkul oleh Afiq Afham Abdullah dan tempat ke-3 pula dimenangi oleh Mohd Khairi Mohd Noor. Manakala kategori perempuan pula dimenangi oleh Khairul Bariyah Abd Rahim, diikuti Norsyafika Yahya dan Nurul Basyirah Samat.

Dalam saingan seko-

lah rendah, Hafizul Rahman Mahdi dari Sekolah Kebangsaan Seri Pekan, berjaya menewaskan kedua-dua pelajar Sekolah Kebangsaan Bukit Rengin iaitu Afiq Afham Abdullah di tempat kedua dan Muhd Aiman Mohd Razuan di tempat ketiga. Mohd Rafiq Roslam dari SMK Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad dinobatkan sebagai juara dalam kategori sekolah menengah.